

# Hadkan usia kenderaan berat elak nahas

**Kuala Lumpur:** Kerajaan disaran melaksanakan dasar tamat hayat kenderaan bermula dengan pengangkutan komersial seperti bas dan lori sebagai permulaan kepada usaha mengurangkan risiko kemalangan disebabkan faktor usia pengangkutan terbabit.

Ketua Pusat Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya, Fakulti Kejuruteraan Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Dr Law Teik Hua, berkata dasar itu perlu dimulakan dengan kenderaan komersial kerana impak kemalangan lebih teruk dan biasanya memabatkan bilangan kematian yang tinggi.

Katanya, perlu ada kajian mendalam bagi mewujudkan dasar terbabit, khususnya dalam menetapkan had usia yang sesuai kerana kemalangan bukan disebabkan satu faktor sahaja, sebaliknya saling berkait.

"Kerajaan mungkin boleh menetapkan had usia 10 tahun seperti dilaksanakan di Jepun dan Singapura, kemudian meletakkan pilihan melanjutkan penggunaan kenderaan itu jika ia masih boleh berfungsi dengan baik.

"Risiko kemalangan memang meningkat apabila had usia kenderaan bertambah, namun ia juga berkait dengan faktor pemandu, seperti cara pemanduan serta penyelenggaraan kenderaan.

"Antara faktor paling penting adalah membabitkan komponen sistem brek dan tayar kerana ia memiliki usia yang pendek. Namun, jika diselenggara dengan rapi, tiada masalah untuk sesuatu kenderaan digunakan untuk tempoh lebih lama.

## Perlu kaji data kenderaan, nahas

"Kementerian Pengangkutan perlu mengkaji data kenderaan dan kemalangan secara teliti serta menghubungkannya dengan semua faktor jika mahu mewujudkan dasar ini," katanya ketika dihubungi semalam.

Kelmarin, Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Liow Tiong Lai, berkata pihaknya sedang mengkaji kesesuaian mewujudkan dasar tamat hayat kenderaan bagi mengurangkan risiko kemalangan disebabkan faktor usia kenderaan seperti membabitkan dua bas kilang berhampiran Plaza Tol Juru, Pulau Pinang Selasa lalu yang menyebabkan lapan orang maut.

Sementara itu, Pengarah Institut Pengangkutan Malaysia (MITRANS) Universiti Teknologi MARA (UiTM), Dr Harlina Suzana Jaafar, mengakui negara memerlukan dasar itu tetapi kerajaan perlu mengkaji kesediaan rakyat menerimanya.

Katanya, dasar serupa pernah diperkenalkan pada 2011 menerusi kajian semula Dasar Automotif Nasional (NAP), namun ditarik balik kerana menerima banyak tentangan.

"Langkah beberapa negara maju melaksanakan dasar ini membuktikan ia satu keperluan, namun memerlukan kajian bagi membuktikan usia kenderaan menyumbang pada kemalangan.

"MITRANS pernah cuba melakukan kajian punca kemalangan jalan raya, namun terlalu banyak data diklasifikasi sebagai sulit, menyebabkan ia tidak boleh dilaksanakan," katanya.